

# Transformasi pendidikan untuk anak Orang Asli

Perasaan sedih dan hiba berlaku apabila melihat sebahagian-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi iaitu di peringkat Universiti Awam (UA) atau Swasta, bukan kerana mereka tidak mampu, tetapi mereka tidak berpeluang untuk mengalami alam pendidikan di peringkat sekolah lagi.

Misalnya, anak muda kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Segamat Kecil, Segamat, Johor, rata-rata semuanya tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana kebanyakan mereka hanya menamatkan pengajian di peringkat sekolah rendah sahaja lantaran gagal di peringkat UPSR.

Hal ini dapat dibuktikan dengan peratusan pencapaian akademik dan kehadiran murid sekolah berkenaan iaitu Sekolah Rendah Segamat Kecil yang sangat mengecewakan kerana tidak mencapai 50 peratus untuk kedua-dua pencapaian akademik dan kehadiran mereka ke sekolah pada tahun 2014.

Mengagumi keprihatinan ibu bapa yang berusaha untuk menyambungkan pelajaran anak mereka ke peringkat sekolah menengah, hati sedih tatkala mendengar sendiri dari mulut salah seorang anak Orang Asli yang sedang melanjutkan pelajaran di tingkatan tiga di sekolah menengah yang menceritakan kepayahan mereka terpaksa menunggu trak seawal jam 5 pagi untuk mengambil mereka dan dihantar ke sekolah menengah. Ini kerana jarak perjalanan dari Kampung Segamat Kecil ke sekolah menengah yang terdekat adalah lebih 60 kilometer.

Tambah menyedihkan, apabila mereka turut disisihkan dengan murid luar serta guru tidak memberi perhatian kepada mereka ketika sesi mengajar di dalam kelas akibat kelemahan mereka dalam akademik sejak dari sekolah rendah lagi.

## Projek suntik minat belajar

Sejajurnya, melihat kepada kesungguhan dan keazaman mereka yang terpaksa bangun awal pagi untuk menunggu trak dan menghadirkan diri ke sekolah, jelas memperlihatkan mereka sememangnya ingin diberi peluang untuk merasai nikmat dan hikmah pendidikan yang ada pada masyarakat lain. Namun, bukanlah satu perkara mudah untuk menarik minat belajar dalam diri mereka kerana tidak terdedah dengan kepentingan dan keseronokan belajar yang dialami seperti murid-murid lain.

Justeru, sebuah kumpulan 15 orang yang dikenali sebagai Duta Jauhar dari Universiti Sains Islam Malaysia, telah mencabar diri mereka bagi menyempurnakan sebuah projek untuk membawakan suasana dan minat untuk belajar kepada anak Orang Asli di kampung

berkenaan, dalam usia 12 tahun dan ke bawah.

Pemerhatian selama setahun bukannya suatu yang mudah untuk menarik minat mereka belajar. Hasil pemerhatian mendapati bahawa, anak Orang Asli di kampung itu lebih suka bermain di luar kelas berbanding duduk diam belajar mengeja bahasa Melayu dan mengira Matematik. Selain itu, tumpuan mereka juga mudah terganggu dengan gangguan luar seperti ajakan dan usikan rakan.

## Pengajaran membosankan

Ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang menggariskan antara masalah dihadapi anak Orang Asli adalah kaedah pendidikan arus perdana yang tidak sesuai dengan tahap kefahaman, penggunaan bahasa serta budaya orang Asli. Antaranya, kaedah pengajaran membosankan, bahan pengajaran kurang sesuai, Pusat Sumber Sekolah (PSS) kurang mempunyai buku, guru kurang berpengalaman mengajar orang Asli dan pengajaran guru terlalu terikat dengan sukatan pelajaran dan peperiksaan awam.

Selain itu, penempatan guru besar dan guru yang kurang komited dan motivasi serta terlalu ramai guru baharu yang tidak berpengalaman. Ini menyebabkan ramai murid gagal menguasai kemahiran 2M (Mambaca dan Mengira).

Sebagai jalan yang diambil untuk menyempurnakan projek ahli Duta Jauhar USIM, mereka memerah keringat dan idea mencipta satu modul pendidikan untuk menarik minat anak Orang Asli untuk minat belajar. Modul yang diperkenalkan adalah dengan menggabungkan permainan luar seperti permainan ting ting, dam ular, menyanyi sambil belajar, 'goreng pisang' dan biji petai dengan asas pendidikan mengikut taraf dan tahun yang dinamakan 'Enjoy Fun Learning' (EFL).

Sebagai langkah awal kumpulan Duta Jauhar USIM menggunakan teknik mendekati anak-anak Orang Asli. Untuk membawa minat belajar kepada anak-anak orang Asli, mereka perlu di dekati dan belajar mengikut cara mereka, bukan dengan memaksa mereka mengikut cara kita.

Selepas jiwa dan naluri mereka dapat difahami dan di dekati, barulah pelaksanaan modul EFL itu dijalankan. Sememangnya, anak Orang Asli sangat tertarik dan berminat dengan teknik dan modul berkenaan iaitu belajar sambil bermain, sekali gus dapat menimba pengetahuan dan ilmu baharu di samping berseronok.



## Penulis

ialah pelajar Tahun 3, Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)